

Bale Gambang-Baruk: Pusat Adat Bidayuh.

Oleh

Dr. Charlie Ungang

(Ketua Seksyen Penyelidik Etnik Bidayuh, Majlis Adat Istiadat Sarawak)



Bangunan Baruk Kampung Opar Bau

Pengenalan.

Etnik Bidayuh di Sarawak terbahagi kepada empat sub-etnik, iaitu *Bukar-Sadong* kumpulan terbesar di Daerah Serian dan mempunyai 132 buah Kampung (Husaini,2000). Menurut Sarok (2013) kumpulan etnik Bidayuh yang kedua terbesar ialah *Biperoh-Biatah* kebanyakannya di kawasan pedalaman dalam Daerah Kuching yang mempunyai 81 buah kampung. Kumpulan ketiga ialah Bau-Jagoi, kebanyakannya terdapat di Daerah Bau dan mempunyai 43 buah kampung. Kumpulan keempat dan yang terkecil ialah *Selako-Lara*, yang terdapat di Daerah Lundu dan mempunyai 41 buah kampung. Masyarakat Bidayuh merupakan kumpulan etnik yang ke empat terbesar di Sarawak selepas Iban, Cina dan Melayu. Statistik tahun 2019 menyatakan jumlah kumpulan etnik Bidayuh adalah seramai 224,166 orang atau mewakili 8.40 peratus daripada penduduk Sarawak (Laporan Tahunan, Jabatan Perangkaan Negeri Sarawak, 2019).

Artikel ini meneliti peranan *bale gambang-baruk* dalam masyarakat Bidayuh sebagai sebuah institusi penting yang menjadi manifestasi kepada budaya, adat dan tradisi masyarakat Bidayuh yang semakin terhakis ditelan arus perdana pemodenan dan perlu dikekalkan. Segala peraturan berhubung dengan kegiatan upacara, ritual, perayaan dan juga kepercayaan orang Bidayuh adalah perkara utama dalam survival mereka. *Bale gambang-baruk* merupakan pusat bermulanya amalan kepercayaan tradisional Bidayuh. *Bale gambang-baruk* dalam kerangka pemikiran tradisional merupakan mercu tanda sesebuah kampung tradisional Bidayuh. Pada suatu

ketika dahulu ia merupakan sebuah bangunan yang mendominasi seluruh perhatian dalam kampung dan berdiri kukuh mengatasi bangunan-bangunan yang lain.

Institusi *bale gambang-baruk* ialah perkaitan antara struktur sosial dengan proses kehidupan sosial masyarakat Bidayuh. Awang Azman Awang Pawi (2001:48) membincangkan proses struktur dan fungsi dalam kehidupan manusia sebagai “komponen bagi satu teori yang digunakan sebagai skema interpretasi sistem sosial manusia”. Brown (1980:179), pula menyatakan bahawa konsep tersebut dapat digunakan untuk kajian penerusan dalam bentuk kehidupan sosial dan juga kajian berkaitan proses perubahan dalam bentuk sesuatu kehidupan sosial. Radcliffe seterusnya menyatakan “upacara ialah proses sosial yang boleh dikatakan mempunyai sesuatu fungsi sosial yang tetap. Ia mempunyai kesan dalam mengatur, mengekalkan dan menurunkan sentimen sesebuah masyarakat dari satu generasi ke generasi yang lain”.

Seperti rumpun masyarakat Dayak lain di pulau Borneo, proses ritual dan upacara dalam kalangan masyarakat Bidayuh berkait rapat dengan peranan institusi *bale gambang-baruk* sebagai Pusat Adat. Keramaian sosial seperti *nyarra ngirumbang*¹ masih menjadi amalan orang Bidayuh sehingga kini yang kukuh sebagai komponen tradisi dan amalan di setiap perkampungan tradisional Bidayuh. Persamaan dan semangat permuafakatan dalam kalangan masyarakat Bidayuh yang dipupuk sejak era tradisional nyata mampu menyatupadukan mereka. Budaya yang terbukti berkesan dalam konteks ini ialah tradisi *pingirih*. Amalan tradisional ini, memerlukan mereka bergilir dalam melaksanakan kerja lazimnya berkaitan dengan aktiviti pertanian, mengerjakan sawah dan bendang. Tradisi dan amalan yang unik dalam kalangan masyarakat Bidayuh ini masih dikekalkan sehingga kini.

Institusi *bale gambang-baruk* dilihat sebagai pendukung adat dan undang-undang adat yang menjadi amalan dalam setiap perkampungan Bidayuh. Institusi *bale gambang-baruk* dianggap sebagai kawalan sosial masyarakat tradisional yang sistematik dalam kalangan masyarakat yang tersusun dari segi norma dan amalannya. Adat resam dalam masyarakat Bidayuh melibatkan suatu peraturan yang tersusun dan tetap, secara keseluruhannya yang diberikan autoriti sosial, di mana komuniti Bidayuh akan menentukan tanggungjawab setiap ahli masyarakatnya. Setiap ahli masyarakat bertanggungjawab di atas perbuatan yang dilakukannya yang memudaratkan keharmonian dalam komuniti yang akan diadili dalam *adat gatuh bale*.

Peraturan yang dinamakan adat *gatuh bale*² ini pada dasarnya merupakan suatu interaksi komuniti terhadap perbuatan salahlaku oleh ahlinya yang melanggar adat dan tradisi, boleh *ngancak binua adu-adu pare*³ dan menimbulkan keadaan yang mengganggu kestabilan dan

¹ Majlis keramaian, upacara dan perayaan yang wajib diraikan di dalam *bale gambang-baruk* dalam masyarakat Bidayuh tradisional.

²*gatuh bale natur namba da bale* memberi pengertian bahawa setiap anggota masyarakat yang didapati melanggar norma dan amalan tradisi dalam kampung akan diadili dalam *bale gambang-baruk*. Kesalahan mereka akan diketengahkan di hadapan ketua-ketua kampung dan pihak yang mendakwa kesalahan yang telah dilakukan.

³membawa pengertian bahawa suasana dalam kampung sentiasa suram dan dilanda penyakit dan bencana.

ketenteraman kampung. Perbuatan melanggar adat boleh mengakibatkan ‘kemarahan’ kuasa alam yang didasari oleh hantu jembalang, roh-roh dan semangat yang timbul daripada air, hutan belantara dan kuasa-kuasa ghaib daripada bulan, bintang dan juga langit. Maka, *bale gambang-baruk* dijadikan pusat penentu dendaan bagi setiap kesalahan melanggar adat.

Menurut Low (1990), institusi *bale gambang-baruk* berfungsi sebagai pusat perjumpaan umum dan berupaya memperkukuhkan semangat permuafakatan yang sentiasa utuh dalam kalangan masyarakat Bidayuh. Permuafakatan perlu dicapai sebelum keputusan diambil untuk melaksanakan sebarang aktiviti sosio ekonomi penduduk kampung. Menerangkan lanjut perkara ini, Low (1848:289) menyatakan “*all affairs connected with the prosperity or welfare of the village, are discussed by a council of the men of the tribe, which is always held in the bale-gambang, baruk or panggah, and at which every male of the hamlet may be present.... younger people paying great respect to the advice of the elders*”

Fenomena yang dinyatakan oleh Low ini dapat dilihat pada setiap masa apabila Ketua Kampung memanggil mesyuarat atau mengadakan perbincangan kes-kes yang melanggar adat resam dan struktur amalan tradisi. Gripstra (1976:110) yang pernah membuat kajian mengenai sosio ekonomi masyarakat Bidayuh menyatakan; *village meetings are held whenever the headman thinks there are topics to be discussed. He will inform some people and by the words of mouth the news spread quickly. In ancient times the fear that beating a gong invites spirits was strong. Nowadays it is often done to call people together. The meeting place is a communal building called Bale.*



Suasana perjumpaan yang diadakan di *bale gambang-baruk* di salah sebuah perkampungan tradisional Bidayuh di Daerah Serian pada tahun 1979. (Sumber: Ikhsan Grijpstra, B.G. 1976)



Tua Gawe melaksanakan ritual *pisien* dengan menggunakan ayam berwarna hitam.⁴

Pemerhatian di Kampung Gumbang Bau pada 28 Jun 2019⁵ dalam *Gawe Nyobbang Sowa* mendapati bahawa pada sebelah paginya orang ramai berpusu-pusu ke *bale gambang-baruk* membawa hidangan dan sumbangan yang ditetapkan oleh *Tua Gawe*. Menjelang tengah hari masyarakat Kampung berkumpul di perkarangan balai raya untuk *nyarra* (makan beramai-ramai). Tradisi *nyarra* diamalkan sejak zaman nenek moyang mereka sehingga ke hari ini. Kanak-kanak berbaris untuk mendapatkan makanan yang disediakan untuk upacara *nyarra*. Setelah mendapatkan *pidadeg*⁶, mereka kelihatan sangat seronok kerana turut serta menjayakan *gawe nyobbang* ini.

Setelah sesi *nyarra* selesai dalam balai raya kampung, kami bersama-sama menuju ke baruk, tempat *gawe nyobbang sowa* diadakan. Perarakan tradisional yang bermula dari balai raya ke bangunan baruk diiringi dengan bunyi gong dan sebbang yang bertalu-talu, diselit-selit bunyi tembakan senapang, di samping kedengaran laungan *tarrraaaaaa....tarrraaaaaara....tarrraaaaaara....* dengan begitu bersemangat daripada setiap penjurong sepanjang perjalanan ke *bale gambang-baruk*. Rombongan kami dijemput naik ke dalam *bale gambang-baruk* dan dengan segera diiringi untuk menyertai ritual mengelilingi *sanggar* dengan iringan paluan gong dan sebbang yang tidak berhenti-henti.

⁴ Menurut Babai Misieng, upacara ritual ini bertujuan menghalau makhluk asing yang boleh mengganggu perjalanan gawai, serta mengalu-alukan roh-roh nenek moyang ke dalam *sanggar* untuk santap bersama dengan manusia yang mengunjungi upacara gawai.

⁵ Masyarakat Kampung Gumbang Bau tidak meraikan Gawai pada 1 Jun, amalan adat yang dikekalkan sehingga hari ini.

⁶ *Pidadeg* ialah pemberian yang diterima dari *Tua Gawai* berbentuk makanan, lazimnya terdiri daripada hati ayam yang telah dimasak dan *pangkang* (lemang). Menerima *pidadeg* sungguh menyeronokkan.



Kemuncak *gawea nyobbang* berakhir dengan tarian mengelilingi awah, ritual simbolik menyambut roh-roh tengkorak yang bersemadi dalam baruk. (Sumber: Kajian lapangan Gawea Nyobang, Kampung Gumbang Bau.

Perkara menarik dalam *gawea nyobbang sowa* ini ialah penyertaan aktif para remaja dan kanak-kanak dalam perarakan tradisional dan tarian ritual *nantang sanggar* di dalam dan di luar bangunan *baruk*. Mereka kelihatan sangat bersemangat dan merasa terpenggil untuk bersama dalam setiap aktiviti dan proses ritual yang disempurnakan sepanjang perayaan tradisional ini diadakan, lengkap berpakaian tradisional Bidayuh, sesuai dengan suasana dan upacara yang disempurnakan. Ketua Kampung Atok Derop memaklumkan bahawa penyertaan para remaja dan kanak-kanak sangat membanggakan pada setiap tahun.

Menurut beliau, mereka bukan saja turut serta dalam proses ritual dan perarakan, malah membantu menyediakan makanan secara gotong royong di balai raya dan dalam baruk. Semangat yang mereka pamerkan menjadi penggerak dan tonggak kekuatan kepada usaha menjadikan bukan sahaja *gawea nyobbang sowa* bahkan semua aktiviti kebudayaan di kampung Babai Angan seterusnya menjalankan ritual mempersembahkan sajian-sajian kepada roh-roh nenek moyang mereka yang telah lama meninggal dunia.

Setelah mantera selesai diucapkan kepada roh-roh Babai Angan pun mula mengetengahkan sajen-sajen yang disediakan dengan menyusunnya atas tampi dan diletakkan di atas kirasah pada pelantaran yang disediakan khas dalam *bale gambang-baruk* dan seterusnya ditempatkan ke dalam *sanggar*. Sajen-sajen yang diketengahkan disusun mengikut tertib berikut,

- | | | | |
|----|--|---|----------|
| 1. | Hati ayam yang telah dimasak | - | 7 hiris |
| 2. | Daging ayam yang telah di masak | - | 7 ketul |
| 3. | Nasi dibungkus dengan daun bersaiz kecil | - | 7 ketul |
| 4. | <i>Pangkang</i> (nasi pulut dalam buluh kecil | - | 7 hiris |
| 5. | Daun sirih disapukan dengan kapur sirih | - | 7 keping |
| 6. | Buah pinang yang telah dikupaskan | - | 7 hiris |
| 7. | Rokok daun apung | - | 7 batang |

Walaupun masyarakat Bidayuh berada dalam persimpangan gelombang kemodenan seperti juga masyarakat lain, namun pemerhatian pengkaji dalam upacara *Gawea Sowa* di Kampung Opar Bau pada 6 Jun 2019, mendapati bahawa tarian-tarian dan persembahan tradisional yang memaparkan kesempurnaan nilai dan gerak tari masih utuh dan segar. Anak muda diberi tugas dan tanggungjawab mempersembahkan tarian *nyiggar*, iaitu sebuah tarian sebagai memuja dan menyambut kehadiran roh-roh yang dipercayai bersama mereka dalam perayaan dan upacara *Gawea Sowa* ini. Kemuncak tarian *nyiggar* ialah mengelilingi sanggar dengan laungan traaaaaaaaaaaaa sambil para penari menjemput semua tetamu yang berada baruk untuk turut serta mengelilingi sanggar.

Peranan dan signifikan simbolisme yang terdapat dalam *bale gambang-baruk* diwujudkan sebagai pusat adat adalah proses ke arah menjalinkan perantaraan dengan dunia dan alam ghaib. Kebenaran ini jelas terbukti pada kewujudan simbolisme dalam bentuk peralatan, pemujaan, berhala, tengkorak, sajen dan *sanggar* yang terdapat dalam *bale gambang-baruk*. Unsur simbolisme ini diwujudkan secara simbolik dalam proses ritual secara sistematik dan berstruktur yang menjadi simbol penting *tampa riyuh*, *tampa rangit*, *antu sibayan* dan juga roh-roh nenek moyang mereka. Amalan tradisional ini adalah manifestasi pemikiran bersifat beradab dan rasional. Sesungguhnya inilah kebenaran yang ada pada masyarakat Bidayuh tradisional yang bertunjangkan kepercayaan animisme yang dipelihara dan diperkukuhkan melalui institusi *bale gambang-baruk* di setiap perkampungan Bidayuh era tradisional.

Daripada aspek arkitektur seni bina, konsep baruk bale diadaptasikan oleh pengurusan Hotel Damai Beach Resort, Santubung Kuching. Reka bentuk, seni bina dan estetika *bale gambang-baruk* dimanfaatkan pada setiap bangunan hotel untuk tarikan pelancong. Institusi *bale gambang-baruk* adalah sumber *material culture* yang menggambarkan tradisi yang sarat dengan ritual dalam kehidupan mereka di era tradisional. Justeru kalau diketengahkan dalam industri pelancongan etnik ia akan membawa impak kepada identiti suku bangsa Bidayuh kepada dunia luar.

Rumusan

Institusi *Bale gambang-baruk* penting untuk dilestarikan kerana institusi utama ini mengawal selia adat dalam konteks peraturan sosial dan perundangan pada setiap *binua* Bidayuh. Institusi utama Bidayuh ini dipercayai menjadi tonggak dan premis pemusatan kuasa dan pengaruh setiap *Piayuh Kupuo* (Ketua Kampung) Bidayuh dalam melaksanakan kewajipan mentadbir dan mengurus *Kupuo* (Kampung) demi kelangsungan kehidupan, keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian *abih binua* (*Masyarakat Kampung*), yang progresif pada hari ini.

Masyarakat Bidayuh bangga melihat dan menganggap institusi utama ini sebagai identiti dan lambang mereka. Institusi ini perlu dikekalkan pengaruh dan peranannya sejajar dengan peredaran zaman yang boleh menyumbang kepada nilai *commercial* produk pelancongan yang sarat dengan adat, warisan dan tradisi masyarakat etnik di Malaysia. Perkara ini penting untuk mewujudkan kesedaran generasi muda agar terus berusaha membina negara bangsa dalam konteks Kebudayaan Nasional. Masyarakat Bidayuh menganggap *bale gambang-baruk* sebagai sebuah

institusi penting dalam memartabatkan adat resam, kepercayaan tradisional dan budaya warisan mereka. Institusi ini ialah identiti Bidayuh yang mencerminkan falsafah hidup Bidayuh dahulu, kini dan selamanya dalam mengawal selia struktur adat, peraturan sosial dan perundangan dalam setiap *kupuo* (Kampung) Bidayuh.

Rujukan

- Awang Azman (2001). *Kaul*. Satu Interpretasi Sosiobudaya. Kuching, Sarawak:UNIMAS.
- Brown, Redcliffe. Edisi Terjemahan (1980). *Struktur dan Fungsi Dalam Masyarakat Primitif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Durkheim, Emile. (1912). *The Elementary Forms of Religious Life*. London: Allan & Unwin Publications.
- Fortes, Meyer. (1969). *Kinship and the Social Order*. Cambridge University Aldine Publishing.
- Friedman, Jonathan. (1994). *The Cultural Identity and Global Process*. London: Sage Publication.
- Frazer, J.G.1926. *A Study in Magic and Religion*. Palgrave Macmillan UK
- Geddes, W.R. (1957). *Nine Dayak Nights*. London: Oxford University Press.
- Gripstra. B.G. (1976). *Common Efforts in the Development of Rural Sarawak*. Amsterdam: Van Gorcum Publications.
- Husaini, Zaharah (2000) *Ethnical of Sarawak's Ethnic Groups*. KPSU Sarawak.
- Laporan Tahunan, Jabatan Perangkaan Negeri Sarawak, 2019. Kuching.Sarawak
- Leach, E.R. (1950). *Social Science Research in Sarawak*.London: H.M Stationery Office.
- Low, Hugh. (1848). *Sarawak. Its Inhabitants and Productions*. Kuala Lumpur: Pustaka Delta
- MacDonald, Malcom, (1985). *Borneo People*. Singapore: Oxford University Press.